

18 JAN 2001

Kabinet-Pembangkang

KIT SIANG KATA PELANTIKAN KABINET "MENGECEWAKAN"

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Pengerusi DAP Lim Kit Siang berkata pelantikan Kabinet, yang diumumkan semalam, adalah suatu yang mengecewakan bagi rakyat Malaysia yang mengharapkan isyarat jelas bahawa Perdana Menteri berkeupayaan melakukan reformasi meluas bagi "menamatkan pelbagai krisis keyakinan di negara ini".

"Selain daripada penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita, rombakan itu adalah suatu yang mengecewakan," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Lim mengulas mengenai pelantikan dua menteri, dua timbalan menteri dan seorang setiausaha parlimen oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Datuk Shahrizat Abdul Jalil dilantik mengetuai Kementerian Hal Ehwal Wanita, yang merupakan satu kementerian baru, manakala Brig Gen Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, yang akan mengangkat sumpah sebagai Senator, dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor pula dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk M. Kayveas sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Temootan dan Senator Datuk Zainuddin Maidin sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan.

Lim berkata DAP menyambut baik penubuhan kementerian baru itu " kerana kami sudah lama mencadangkannya."

Bagaimanapun beliau sedih kerana tidak ada pelantikan seorang e-menteri untuk bertanggungjawab sepenuhnya bagi agenda era maklumat negara.

Sementara itu, di KOTA BAHARU, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berharap barisan baru Kabinet akan dapat memberi banyak manfaat kepada Kelantan.

Beliau berkata walaupun Kelantan diperintah oleh PAS, negeri itu perlu mendapat layanan yang serupa dengan negeri-negeri lain bersesuaian dengan sistem demokrasi yang diamalkan negara.

"Saya sebagai pemimpin di Kelantan mengharapkan kepada Kabinet baru itu agar dapat memberi manfaat kepada Kelantan sebagaimana yang dinikmati negeri-negeri lain," katanya kepada pemberita selepas majlis Aidilfitri bersama media massa di sini, hari ini.

Beliau mengulas pelantikan dua menteri, dua timbalan menteri dan seorang setiausaha parlimen oleh Dr Mahathir semalam.

Nik Aziz juga berharap barisan Kabinet baru itu dapat memperkukuhkan perpaduan rakyat.

Mengenai penambahan dua anggota Exco kerajaan negeri Kelantan kepada 11 orang dan pensrukturan semula portfolio yang diumumkan Timbalan Menteri Besar Abdul Halim Abdul Rahman semalam, Nik Aziz berkata ia bagi meringankan beban seseorang Exco yang terpaksa memegang banyak portfolio.

"Saya juga akan mempunyai banyak masa untuk jaga soal politik iaitu bidang yang saya minati selama ini," katanya.

Terdahulu ketika berucap, Nik Aziz meminta wartawan bertugas dengan penuh ikhlas dan menjadikan pekerjaan itu sebagai ibadah.

Beliau berkata tugas wartawan adalah sama dengan guru kerana masing-masing menyebarkan pengetahuan kepada masyarakat.

--BERNAMA

BD NAK